



KEMENTERIAN WILAYAH

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

INISIATIF MENSEJAHTERAKAN RAKYAT WP LABUAN : LALUAN BAHARU MALINDO AIR KUL - LBU - KUL

KUALA LUMPUR, 2 Ogos 2018 – YB Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad, Menteri Wilayah hari ini membuat pelepasan penerbangan pertama Malindo Air dari KLIA ke WP Labuan. Inisiatif mensejahterakan rakyat, khususnya kepada warga WP Labuan merupakan usaha dalam menjadikan WP Labuan sebagai sebuah pulau bebas cukai yang *vibrant*.

Penambahan penerbangan oleh Malindo Air ini merupakan penyelesaian jangka pendek oleh Pasukan Petugas Mensejahterakan Rakyat WP Labuan. Melalui kejayaan ini dapat menambahkan lagi *connectivity* ke WP Labuan. Buat masa ini, hanya dua penerbangan dibuat oleh Malaysia Airlines manakala satu penerbangan oleh Air Asia ke WP Labuan dalam sehari. Permohonan penerbangan Malindo Air ke WP Labuan ini telah diusahakan oleh Kementerian Wilayah melalui Kementerian Pengangkutan. Kelulusan penerbangan oleh pihak Suruhanjaya Penerbangan Malaysia diperolehi pada Mei 2018. Dengan kerjasama Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia, penerbangan ini direalisasikan pada hari ini yang mana penerbangan asal sepatutnya adalah pada 1 Julai 2018. Malaysia Airports Holdings Berhad juga turut membantu dalam penyediaan keperluan teknikal dan logistik di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan Lapangan Terbang Labuan supaya keselamatan penumpang terjamin.

Hasil daripada pelan tindakan inisiatif mensejahterakan rakyat WP Labuan ini juga telah membolehkan produk makanan laut sejuk beku di WP Labuan didaftarkan sebagai bagasi. Pihak Malindo Air merupakan satu-satunya operator penerbangan yang membenarkan polisi ini dilaksanakan. Orang ramai kini sudah boleh membawa produk makanan laut sejuk beku yang berkualiti tinggi dari WP Labuan sebagai buah tangan apabila berkunjung ke wilayah tersebut. Melalui usaha ini dapat merencanakan semula pertumbuhan ekonomi WP Labuan khususnya industri makanan laut sejuk beku. Ini sekaligus meningkatkan semula pendapatan nelayan-nelayan tempatan dalam memasarkan hasil tangkapan laut mereka.

Kementerian Wilayah juga sedang berusaha mengukuhkan sektor pelancongan sebagai sumber ekonomi utama WP Labuan. Melalui Program Labuan *Go Green*,

penanaman pokok kelapa pelbagai varieti dan pokok buah-buahan tempatan telah dilaksanakan sejak tahun 2016. Inisiatif ini adalah untuk menjadikan WP Labuan sebagai lokasi agro pelancongan bagi tempoh masa lima tahun akan datang. Sehingga kini sebanyak 31,700 benih pokok kelapa dan buah-buahan tempatan telah ditanam di sekitar WP Labuan. Pelaksanaan program ini adalah secara kerjasama strategik dengan pihak Perbadanan Labuan, Jabatan Pertanian, MARDI, MARDI Corporation serta seluruh penduduk Labuan. Selain dapat menambahkan pengindahan landskap pulau Labuan, hasil daripada penanaman pokok-pokok kelapa dan buah-buahan tempatan ini juga dapat memenuhi keperluan harian rakyat Labuan. Ini sekaligus dapat mengatasi masalah harga barangan keperluan pengguna dan kos sara hidup yang tinggi di WP Labuan.

Kementerian juga berharap agar melalui program-program yang dilaksanakan di WP Labuan ini bukan sahaja memberi impak yang positif kepada perkhidmatan kerajaan malah menjadi platform utama penyelesaian masalah ekonomi rakyat Labuan. Pelaksanaan program-program inisiatif mensejahterakan rakyat ini dapat membuka peluang peningkatan ekonomi serta mengatasi masalah kos sara hidup yang tinggi di WP Labuan.

**Disediakan Oleh:
Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah**

2 Ogos 2018